

24 AUG 1998

Zahid-Perpaduan

PEMUDA UMNO BERUSAHA MANTAP PERPADUAN DALAM PARTI

SEREMBAN, 24 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Malaysia sedang berusaha ke arah memantapkan lagi perpaduan dalam parti, kata Ketua Pergerakan itu Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, beliau dan barisan exconya telah pergi ke semua negeri untuk menjelaskan perkara itu.

"Saya sendiri bersama Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamudin Tun Hussain dan barisan exco Pergerakan Pemuda Umno telah turun mengadakan program di peringkat negeri dan bahagian untuk menjelaskan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah banglo Bayu Lakehomes kepada pemenang cabutan Premium/Perdana 1998 Bank Simpanan Nasional di Pajam, Nilai, dekat sini, hari ini.

Katanya, beliau turut menjelaskan pentingnya penubuhan barisan pimpinan di semua peringkat.

"Kita juga menjelaskan tentang pentingnya kita bersama kepimpinan di peringkat negeri dan pusat untuk memberikan sokongan terhadap pendekatan kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi," katanya.

Beliau berharap barisan Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan terus memberikan sokongan kepada pucuk pimpinan.

Katanya, pendirian exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia selama ini ialah memberikan keyakinan dan kepercayaan sepenuhnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menjadi Presiden Umno dan terus memimpin negara.

Mengenai undi bonus, beliau berpendapat ia harus dikaji semula kerana dikhuatiri banyak unsur-unsur negatif akan timbul jika undi bonus ini diteruskan.

-- BERNAMA

RP RHM